


ISTIWA' A'ZAM

Istiwa' A'zam adalah fenomena apabila kedudukan matahari berada tepat di titik zenith Kaabah. Bayang objek pada waktu tersebut akan menghala ke Kaabah. Kita boleh menyemak arah kiblat melalui bayang pada waktu tersebut dengan menggunakan objek yang lurus seperti tiang. Fenomena ini terjadi 2 kali setahun.

Waktu Malaysia	Waktu Malaysia (Tahun Lompat)
28 Mei 5.16 pm	27 Mei 5.16 pm
16 Julai 5.28 pm	15 Julai 5.28 pm



Arah bayang kiblat yang terhasil ketika Istiwa' A'zam

PERKHIDMATAN ARAH KIBLAT NEGERI MELAKA

Jabatan Mufti negeri Melaka menawarkan perkhidmatan penentuan, semakan dan penandaan arah kiblat khusus untuk orang ramai di negeri Melaka. Perkhidmatan ini adalah untuk membantu orang ramai mendapatkan penandaan arah kiblat yang tepat. Perkhidmatan ini meliputi masjid, surau, bangunan kerajaan, swasta, stesen minyak dan rumah persendirian.


KADAR CAJ PERKHIDMATAN PENGURUSAN ARAH KIBLAT BAGI NEGERI MELAKA ADALAH SEPERTI BERIKUT :

BIL.	KATEGORI PERMOHONAN	KADAR BAYARAN (RM)	KADAR TAMBAHAN (RM)
1.	BANGUNAN AWAM (Masjid, Surau, Tanah Perkuburan, Sekolah, Premis Kerajaan, Rumah Kebajikan, dll)	PERCUMA	
2.	BANGUNAN SWASTA (Kedai, Hotel, Kilang, Stesen Minyak, Shopping Complex, Premis Swasta, Tapak Ekspo dan Karnival dan lain-lain)	RM 200 Minima 3 Pelekat Arah Kiblat	RM 20 setiap satu pelekat tambahan
3.	PERMOHONAN INDIVIDU (Rumah Persendirian, Homestay)	RM 100 Minima 2 Pelekat Arah Kiblat	RM 20 setiap satu pelekat tambahan
4.	PENSIJILAN SEMULA (Pertukaran nama premis, penambahan sijil arah kiblat)	RM 100 Minima 2 Pelekat Arah Kiblat	RM 20 setiap satu pelekat tambahan



جَابَاتُ الْمُفْتَى نِجَرِي مَلَاكَا
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

PANDUAN ARAH KIBLAT



IMARAH A, ARAS 2 & 3,
PUSAT ISLAM MELAKA 75400
BUKIT PALAH, MELAKA

TEL : 06-284 7920 / 21
FAKS : 06-2848144

WEB : muftimelaka.gov.my
E-MEL : jkmmufti@gmail.com

PENGERTIAN KIBLAT

Definisi :

Arah bagi setiap Muslim dalam melakukan ibadah solat. Kiblat umat Islam adalah Kaabah yang terletak di kota suci Makkah

(Enkiklopedia Islam, DBP)

"Dan dari mana sahaja engkau keluar (Untuk mengerjakan solat maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (Kaabah), Dan sesungguhnya perintah berkiblat ke Kaabah itu adalah benar dari Tuhanmu, Dan (ingatlah Allah tidak sekali-kali lalai akan segala apa yang kamu lakukan."

WAJIB

Solat fardu, solat sunat, meletakkan jenazah dalam liang lahad, sujud syukur dan sebagainya.

SUNAT

Membaca Al-Qu'ran, berdoa, berzikir, tidur, melaungkan azan, memulakan pemakaian ihram dan sebagainya.


MAKRUH

Berlunjur kaki, berludah, menunaikan qada' hajat (ditegah menghadap atau membelakangkan kiblat) dan sebagainya.

HARAM

Menunaikan qada' hajat di tanah lapang tanpa ada pendinding atau penghalang.

IJTIHAD DALAM KAEDAH MENENTUKAN ARAH KIBLAT



IJTIHAD

Bersungguh-sungguh atau menghabiskan daya usaha untuk mencapai maksud. Mempunyai darjah-darjah keutamaan bergantung atas kaedah tertentu atau sebagainya. Para Ulama bersepakat bahawa menghadap kiblat merupakan syarat sah solat. Bagi Mazhab Syafie terdapat 3 kaedah berhubung dengan syarat sah menghadap kiblat.

KIBLAT YAKIN

Bagi orang yang berada dalam Masjidil Haram, wajib menghadap kaabah dengan yakin (Melihat) atau menyentuh (Bagi yang buta) atau dengan cara lain yang boleh dipastikan dengan keyakinan.

KIBLAT ZANNI

Bagi mereka yang berada jauh dari Masjidil Haram hendaklah menghadap Kaabah secara melalui pertanyaan contoh : Bertanya kepada penduduk Makkah.

KIBLAT IJTIHAD

Bagi mereka yang berada di luar tanah suci Makkah hendaklah menghadap ke arah tanah suci Makkah dengan tujuan ke arah Kaabah

KAEDAH MENENTUKAN ARAH KIBLAT

Pelbagai kaedah bagi menentukan arah kiblat antaranya :

KAEDAH MODEN

Penentuan Kedudukan Global (GPS)
Kompas

KAEDAH TRADISIONAL

Arah Matahari Terbenam
Istiwa' A'zam
Tongkat Istiwa'
Buruj / Bintang

ARAH MATAHARI TERBENAM

Arah matahari terbenam boleh menjadi panduan arah kiblat tetapi kedudukan ia terbenam berubah pada setiap hari. Boleh dianggarkan nilai darjah atau sudut dengan menggunakan jari.

JADUAL ANGGARAN KIBLAT MELALUI ARAH MATAHARI TERBENAM

BULAN	ANGGARAN DARJAH
JANUARI	ke kanan 45 darjah
FEBRUARI	ke kanan 40 darjah
MAC	ke kanan 25 darjah
APRIL	ke kanan 15 darjah
MEI	ke kiri 5 darjah
JUN	ke kiri 1 darjah
JULAI	ke kanan 1 darjah
OGOS	ke kanan 5 darjah
SEPTEMBER	ke kanan 15 darjah
OKTOBER	ke kanan 30 darjah
NOVEMBER	ke kanan 40 darjah
DISEMBER	ke kanan 45 darjah